

02 OCT 1999

Yusof-hasutan

PEMBANGKANG EDAR RISALAH HASUT PELAJAR BENCI KERAJAAN

PASIR MAS, 2 Okt (Bernama) -- Ketua Penerangan Umno Datuk Dr Yusof Noor mendedahkan kegiatan parti pembangkang mengedarkan risalah kepada pelajar sekolah rendah untuk menghasut mereka supaya membenci Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan pemimpin-pemimpin kerajaan lain.

Kegiatan terbaru parti pembangkang itu dikesan apabila beliau menemui risalah berkenaan dalam bag sekolah anaknya yang belajar dalam tahun dua sebuah sekolah di Terengganu, baru-baru ini.

"Sebelum ini saya mendengar kenyataan daripada pihak-pihak lain, peristiwa itu juga berlaku pada anak saya sendiri dan ia perlu diberi perhatian yang serius supaya generasi muda tidak diasuh membenci pemimpin negara," katanya kepada pemberita selepas ceramah politik di Taman Mekasar di sini, malam tadi.

Dr Yusof tidak menuduh guru-guru atau pentadbir sekolah terlibat dalam pengedaran risalah itu di kalangan pelajar sekolah namun Kementerian Pendidikan perlu menyiasat perkara ini.

"Kalau perkara ini berlaku di sekolah tempat anak saya belajar, saya fikir sekolah lain juga berlaku perkara yang sama, tak mungkin risalah itu diedarkan pada satu sekolah sahaja," katanya.

Beliau berkata sejak Naib Presiden Amerika Syarikat Al Gore membidas sistem pemerintahan Malaysia dalam majlis makan malam, forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) yang diadakan di Kuala Lumpur tahun lepas, perkara itu tidak berakhir begitu sahaja kerana ia diikuti sokongan daripada media Barat untuk memburukkan imej negara ini.

"Bila kita dapati ada gerakan reformasi, yang sememangnya bercanggah daripada amalan budaya kita. Saya fikir kejutan ini berlaku akibat faktor luar kerana itu bukan budaya kita.

"Sebab itu saya buat analisis bahawa peristiwa yang berlaku itu merupakan satu khidmat bagi negara asing, katanya.

Beliau berkata, pihak asing sentiasa cuba mengurangkan pengaruh Malaysia yang semakin baik di beberapa benua seperti Afrika dan Asia Barat.

"Jadi saya yakin perbuatan parti pembangkang ini seolah-olah secara tidak langsung memberi khidmat kepada mereka (pihak asing)," katanya.

Yang turut berucap pada majlis itu ialah Menteri Besar Pahang Datuk Adnan Yaacob dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Paduka Ibrahim Ali.

--BERNAMA

BD RI